

Certification of Examination of Thesis

We, the following members of the Thesis Examination Panel appointed by the Senate to examine the thesis entitled:-

"Pembelajaran Bahasa Malaysia - Masalah Pemerolehan Bentuk, Makna dan Penggunaan Beberapa Buah Imbuhan Katakerja dan Katanama Bahasa Malaysia di Kalangan Pelajar Tingkatan Satu"

submitted by Encik Ibrahim bin Ahmad in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts hereby confirm that:-

- (i) we met on Thursday, 5 July 1984 and submitted the candidate, Encik Ibrahim bin Ahmad to an Oral Examination in accordance with the Provisions of Part (A) Clause 8(3) of the Higher Degree Programme Requirements:-

"Unless exempted by Senate, a candidate will have to appear for an Oral Examination"

and

- (ii) that we make the following individual recommendations:-

<u>Thesis Examination Panel</u>	<u>The Candidate be passed</u>	<u>The Candidate be not passed</u>
1. Profesor Kamal Salih (Chairman)	<u>Kamal Salih</u>	
2. Profesor Abdullah Hassan Dean School of Humanities (Internal Examiner/Main Supervisor)	<u>Abdullah Hassan</u>	
3. Profesor Madya Mashudi Kader Additional Internal Examiner	<u>Mashudi Kader</u>	

I, Mohd. Bakhori bin Haji Arshad, acting on behalf of the Secretary to the said Thesis Examination Panel, do hereby confirm that the Panel after full consideration of the recommendations of the External and Internal Examiners and of the individual recommendations of its members, has agreed to recommend to the Board of Postgraduate Studies and thereon to Senate that the candidate, Encik Ibrahim bin Ahmad be awarded the degree of Master of Arts.

Date: 5-7-84

D/B/S  
(Acting Secretary)

PEMBELAJARAN BAHASA MALAYSIA - MASALAH PEMEROLEHAN  
BENTUK, MAKNA DAN PENGGUNAAN BEBERAPA BUAH IMBUHAN  
KATAKERJA DAN KATANAMA BAHASA MALAYSIA DI KALANGAN  
PELAJAR TINGKATAN SATU

oleh

IBRAHIM BIN AHMAD

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Sastera

Mac 1984

JADUAL KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
Isi Kandungan	ii
Penghargaan	x
Abstrak	xii
Senarai Jadual	xiii
1. BAB 1 - Pendahuluan	1
1.0 Perkembangan Awal	1
1.1 Bidang Kajian	2
1.2 Konsep Kefasihan	2
1.2.1 Konsep Luar Bandar	3
1.2.2 Pemilihan Tingkatan Satu	4
1.2.3 Pemilihan Imbuhan Katakerja dan Katanama	5
1.2.4 Penggunaan Istilah	6
1.3 Tempat Kajian	6
1.4 Bahan Kajian	8
1.4.1 Pelajar	8
1.4.1.1 Jumlah Pelajar	8
1.4.1.2 Tenaga Pengajar Pelajar	8
1.4.1.3 Latar Belakang Pelajar	9
1.4.1.4 Latar Belakang Tempat Tinggal	9
1.4.1.5 Umur, Agama dan Bangsa	9
1.4.1.6 Persekolahan Awal	10
1.4.1.7 Kemudahan Asas Pembelajaran Bahasa di Rumah	10
1.4.1.8 Kemudahan Asas Pembelajaran Bahasa di Sekolah	11

1.4.1.9	Pendedahan Kepada Bahan-bahan Peransang untuk Pembelajaran Bahasa Malaysia.	12
1.4.1.10	Latar Belakang Pengetahuan Mengenai Imbuhan	12
1.4.2	Bahan Ujian	13
1.4.2.1	Bahan-bahan Ujian Secara Tertutup	13
1.4.2.2	Bahan-bahan Ujian Secara Terbuka	14
1.4.2.3	Bahan-bahan Lain	14
1.5	Kaedah Penyelidikan	14
1.5.1	Mengisi Borang Kajiselidik	14
1.5.2	Menjalankan Ujian di Dalam Kelas	15
1.5.3	Melihat dan Menganalisa Kerja-Kerja Pelajar-pelajar di Dalam Pelajaran Bahasa Malaysia Sepanjang Tahun.	15
1.5.4	Memerhati Kaedah Mengajar Guru-guru Bahasa Malaysia.	15
1.6	Masalah Kajian dan Penyelidikan	16
1.6.1	Penyusunan Ujian	16
1.6.1.1	Penyusunan Bahan-Bahan Ujian Bentuk-Bentuk Imbuhan	16
1.6.1.2	Penyusunan Bahan-Bahan Ujian Tugas-tugas Imbuhan	17
1.6.2	Masalah Sewaktu Menjalankan Ujian	18
1.6.2.1	Masa Ujian	18
1.6.2.2	Tempat Ujian	19
1.6.2.3	Pelajar-Pelajar	19
1.6.2.4	Kerjasama yang Diberikan	19
1.6.3	Masalah Penilaian Ujian	20
.	BAB 2 - IMBUHAN BAHASA MALAYSIA	21
1.0	Pendahuluan	21
1.1	Proses Pengimbuhan Bahasa Malaysia	21

Muka Surat

.2	Bentuk Imbuhan dalam Bahasa Malaysia	22
.2.1	Proses 1 dengan Imbuhan pe(y)- dan me(y)-	24
.2.2	Proses 2 dengan Imbuhan pe(y)- dan me(y)-	25
.2.3	Proses 3 dengan Imbuhan pe(y)- dan me(y)-	27
.2.4	Proses 4 dengan Imbuhan pe(y)- dan me(y)-	27
.3	Pengimbuhan dalam Bahasa Malaysia	28
.3.1	Imbuhan Kerjaan	28
.3.2	Imbuhan Namaan	28
.3.3	Imbuhan Sifatan	28
.3.4	Imbuhan Keterangan	29
.4	Pengimbuhan Katakerja	29
.4.1	Imbuhan Katakerja Melampau	31
.4.1.1	Awalan pe(r)-	31
.4.1.2	Akhiran -kan	32
.4.1.3	Akhiran -i	33
.4.2	Imbuhan Ragam	33
.4.2.1	Imbuhan Ragam me(j)-	34
.4.2.2	Imbuhan Ragam di-	34
.4.2.3	Imbuhan Ragam te(r)-	35
.4.2.4	Imbuhan Ragam be(r)-	36
.4.2.5	Imbuhan Ragam ke-	37
.4.2.6	Imbuhan Ragam be(r)-...-an	37
.4.2.7	Imbuhan Ragam ke-...-an	37
5	Pengimbuhan Katanama	38
5.1	Awalan pe(y)-	38
5.2	Awalan pe-	39

	Muka Sura
2.5.3 Awalan ke-	39
2.5.4 Akhiran -an	40
2.5.5 Kurungan ke-...-an	40
2.5.6 Kurungan pe( <i>j</i> )-...-an	41
2.5.7 Kurungan pe( <i>r</i> )-...-an	41
3. BAB 3 - ANALISA BENTUK-BENTUK DAN PUNCA-PUNCA KESALAHAN IMBUHAN	42
3.0 Imbuhan-Imbuhan yang Dianalisa	42
3.1 Pemeringkatan Ujian	42
3.2 Analisa Bentuk-Bentuk Imbuhan	43
3.2.1 Imbuhan me( <i>j</i> )- dengan Kata-Kata Huruf Pangkalnya Diluluhkan	45
3.2.2 Imbuhan me( <i>j</i> )- dengan Kata-Kata Huruf Pangkalnya Dikekalkan	49
3.2.3 Imbuhan me( <i>j</i> )- dengan Kata-Kata Pinjaman	49
3.2.4 Imbuhan me( <i>j</i> )- dengan Kata-Kata Satu Sukukata	51
3.2.5 Imbuhan pe( <i>j</i> )- dengan Kata-Kata Huruf Pangkalnya Diluluhkan	53
3.2.6 Imbuhan pe( <i>j</i> )- dengan Kata-Kata Huruf Pangkalnya Dikekalkan	55
3.2.7 Imbuhan pe( <i>j</i> )- dengan Kata-Kata Pinjaman	57
3.2.8 Imbuhan pe( <i>j</i> )- dengan Kata-Kata Satu Sukukata	57
3.2.9 Imbuhan pe( <i>j</i> )-...-an dengan Kata-Kata Huruf Pangkalnya Diluluhkan	59
3.2.10 Imbuhan pe( <i>j</i> )-...-an dengan Kata-Kata Huruf Pangkalnya Dikekalkan	63
3.2.11 Imbuhan pe( <i>j</i> )-...-an dengan Kata-Kata Pinjaman	65
3.2.12 Imbuhan pe( <i>j</i> )-...-an dengan Kata-Kata Satu Sukukata	65
3.2.13 Imbuhan be( <i>r</i> )- dengan Kata-Kata Bahasa Malaysia	69
3.2.14 Imbuhan te( <i>r</i> )- dengan Kata-Kata Bahasa Malaysia	72
3.2.15 Imbuhan pe( <i>r</i> )- dengan Kata-Kata Bahasa Malaysia	72
3.2.16 Imbuhan -kan dengan Kata-Kata Bahasa Malaysia	76
3.2.17 Imbuhan -i dengan Kata-Kata Bahasa Malaysia	76

3.3	Rumusan Kesalahan-Kesalahan Penggunaan Bentuk Imbuhan	77
3.4	Punca-punca Kesalahan	78
3.4.1	Kesalahan Kerana Ketiadaan Pengetahuan Mengenai Hukum Pembentukan Kata	78
3.4.2	Kesalahan Disebabkan Oleh Kesalahan Ejaan	81
3.4.3	Kesalahan Berpunca Daripada Kelaziman Sebutan	82
3.4.4	Bentuk Imbuhan yang Tidak Ada Di dalam Dialek	85
3.4.5	Pengaruh Bentuk Umum yang Telah Dipelajari Di dalam Bahasa Malaysia	86
4,	BAB 4 - ANALISA PENGGUNAAN IMBUHAN DARI SEGI TUGAS	88
4.0	Pendahuluan	88
4.1	Cara Ujian Dikendalikan	88
4.2	Cara Ujian Dianalisa	89
4.3	Analisa Kecapaian Pemahaman Makna Tiap-tiap Imbuhan	90
4.3.1	Imbuhan Katakerja	92
4.3.1.1	Imbuhan Katakerja Melampau	90
4.3.1.2	Imbuhan Katakerja Ragam	95
4.3.2	Imbuhan Katanama	110
4.3.2.1	Awalan Katanama	110
4.3.2.2	Akhiran Katanama	114
4.3.2.3	Kurungan Katanama	118
4.4	Rumusan	122
4.4.1	Cara-cara Pelajar Memahami Makna Imbuhan	122
4.4.2	Punca-punca Kesalahan	122
4.5	Kecapaian Penggunaan Kata-Kata Berimbuhan	123
4.5.1	Penggunaan Kata-Kata Berimbuhan Katanama	123
4.5.2	Penggunaan Kata-Kata Berimbuhan Katakerja	133

4.5.3	Rumusan Kecapaian Pelajar-Pelajar Menggunakan Kata-Kata Berimbuhan	135
4.6	Punca-Punca Luaran	136
4.6.1	Teknik Mengajar	138
4.6.2	Bahasa Pengantar	141
4.6.3	Buku Teks	142
4.6.4	Sukatan Pelajaran	144
4.6.5	Kelainan Sosial	149
5.	BAB 5 - CADANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH PENGAJARAN IMBUHAN	149
5.0	Pendahuluan	149
5.1	Kaedah Mengajar	149
5.1.1	Kaedah Mengajar yang Telah Digunakan oleh Guru-Guru	149
5.2	Kaedah Mengajar yang Dicadangkan	150
5.2.1	Kaedah Mengajar Bentuk-Bentuk Imbuhan	150
5.2.2	Rumusan	155
5.2.3	Kaedah Mengajar Fungsi dan Makna Imbuhan	156
5.2.3.1	Kaedah Analisa Struktur	156
5.2.3.1.1	Pengajaran Pola-Pola Ayat Bahasa Malaysia	156
5.2.3.1.2	Pengajaran Golongan Kata	157
5.2.3.1.3	Pengajaran Bentuk dan Fungsi Imbuhan	158
5.2.3.1.4	Pengajaran Makna Imbuhan	161
5.3	Langkah Pengajaran	163
5.4	Rumusan	165
5.4.1	Teori-teori Linguistik yang Digunakan	165
5.4.2	Teknik Pengajaran	166
5.4.3	Perkembangan Pengajaran	167

5.5	Saran-Saran Tambahan	168
5.5.1	Teknik Mengajar	168
5.5.2	Buku-Buku Teks	169
5.5.2.1	Urutan Penulisan Buku-Buku Teks	170
5.5.2.2	Tindakan Pihak Kerajaan	170
5.5.3	Sukatan Pelajaran	171
5.5.4	Bacaan Tambahan	172
5.5.5	Kelainan Sosial	174
RUJUKAN KHAS		176
RUJUKAN AM		180
LAMPIRAN-LAMPIRAN		
Lampiran 1	- Soalan-Soalan Menguji Bentuk Imbuhan	185
Lampiran 2	- Soalan-Soalan Menguji Makna Imbuhan	212
Lampiran 3	- Soalan-Soalan Menguji Penggunaan Imbuhan	229
Lampiran 4	- Senarai Pelajar-Pelajar Mengambil Ujian	244
Lampiran 5	- Pekerjaan Penjaga Pelajar-Pelajar	249
Lampiran 6	- Latar Belakang Persekutuan Penjaga Pelajar-Pelajar	249
Lampiran 7	- Sekolah-Sekolah Rendah Tempat Pelajar-Pelajar Mendapat Pendidikan Awal Sebelum ke Sekolah Menengah	250
Lampiran 8	- Borang Soalselidik Peribadi	251
Lampiran 9	- Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan Katakerja Melampau pe(r)-	252
Lampiran 10	- Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan Katakerja Melampau -kan	253
Lampiran 11	- Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan Katakerja Melampau -i	254
Lampiran 12	- Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan me(y)- Mengikut Makna	255

- Lampiran 13 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan di- Mengikut Makna
- Lampiran 14 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan te(r)- Mengikut Makna
- Lampiran 15 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan be(r)- Mengikut Makna
- Lampiran 16 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan be(r)-...-an Mengikut Makna
- Lampiran 17 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan ke-...-an Mengikut Makna
- Lampiran 18 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan pe(y)- Mengikut Makna
- Lampiran 19 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan pe- Mengikut Makna
- Lampiran 20 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan ke- Mengikut Makna
- Lampiran 21 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan -an Mengikut Makna
- Lampiran 22 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan ke-...-an Mengikut Makna
- Lampiran 23 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan pe(y)-...-an Mengikut Makna
- Lampiran 24 - Contoh-Contoh Kata yang Menggunakan Imbuhan pe(r)-...-an Mengikut Makna
- Lampiran 25 - Pengajaran Imbuhan be(r)- dari Segi Makna

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin merakamkan rasa terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Penyelia Kanan saya Profesor Abdullah Hassan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia yang telah menyelia dan membimbing saya sepanjang penyediaaan tesis ini. Saya banyak terhutang budi kerana dengan nasihat, tunjuk-ajar dan saran-an-saran-an daripadanya lah tesis ini dapat disempurnakan. Terima kasih juga saya ajukan kepada Profesor Mady Mashudi Hj. Kader Penyelaras Unit Bahasa Universiti Sains Malaysia dan Dr. Halimah Wok Awang yang turut menyelia dan menasihati saya dengan penuh minat semasa ketiadaan Professor Abdullah Hassan.

Kedua saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk meneruskan pengajian saya secara sambilan. Tanpa kebenaran ini usaha untuk melahirkan tesis ini tentulah tidak akan tercapai.

Saya juga terhutang budi kepada Jabatan Pelajaran Kedah, Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Tunku Bendahara, Kodiang, Sekolah Menengah Pulau Nyior, Jitra, Sekolah Menengah Jitra, Jitra, Sekolah Menengah Seri Mahawangsa, Jitra dan Sekolah Menengah Changlun, Changlun yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan ujian-ujian Bahasa Malaysia yang diperlukan sebagai bahan di dalam tesis ini. Tidak lupa juga saya berterima kasih kepada guru-guru Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah tersebut, terutamanya Encik Abdul Razak Mansor, Encik Md. Daud Othman, Cik Rosaini Darus, Cik Tom Abdul Rahman dan Puan HafsaH Omar yang sanggup berbincang dengan saya mengenai teknik-teknik dan

pendekatan-pendekatan pengajaran Bahasa Malaysia yang mereka gunakan di dalam pengajaran mereka di kelas masing-masing. Terima kasih juga saya rakamkan untuk guru-guru Bahasa Malaysia sekolah-sekolah rendah terutama sekali Encik Salleh Mat @ Ahmad dan Encik Zainol Hassan yang telah memberikan pandangan mereka mengenai perkembangan pengajaran Bahasa Malaysia khususnya aspek pengajaran imbuhan di sekolah rendah kepada saya.

Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Jabatan Pengajian Melayu yang banyak memberikan kemudahan kepada saya mendapatkan bahan-bahan yang saya perlukan untuk menyediakan tesis ini. Saya turut terhutang budi kepada Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu, Kedah di atas kebenaran yang diberikan kepada saya untuk menggunakan sebuah peta Daerah Kubang Pasu di dalam tesis saya ini. Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan saya kepada rakan-rakan karib saya yang telah banyak memberi sokongan moral kepada saya sepanjang masa saya menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, tetapi bukan kali terakhir, saya ingin merakamkan rasa penghargaan dan kasih mesra saya kepada isteri saya Rohana, anak-anak saya Ekhwah Nazli, Syahnaz Izwandi dan Adi Fakhzani serta keluarga besar saya di atas segala kesabaran dan pengorbanan mereka sewaktu saya menyiapkan tesis ini. Moga Allah sahaja yang dapat membalas budi baik mereka dan mencucuri rahmatnya ke atas mereka.

ABSTRAK

Tesis ini dilaksanakan dengan tujuan untuk melihat tingkat pemerolehan bentuk-bentuk morfologi, makna dan penggunaan beberapa buah imbuhan Katakerja dan Katanama Bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Satu di sekolah-sekolah Daerah Kubang Pasu yang di klasifikasikan sebagai sekolah-sekolah luar bandar.

Tesis ini dibahagikan kepada lima Bab. Bab 1 memberi penguraian mengenai bidang dan kaedah-kaedah penyelidikan dan isu-isu yang dibincangkan di dalam tesis ini.

Bab 2 membentangkan kerangka teoritis yang mengkaji imbuhan-imbuhan. Pembentangan ini merangkumi proses-proses pengimbuhan dan fungsi-fungsi nahu serta makna-makna imbuhan Katakerja dan Katanama. Dapatan-dapatan daripada kajian ini dijadikan asas untuk pembentukan soalan-soalan yang digunakan di dalam ujian sepanjang tesis ini.

Penganalisaan pemerolehan imbuhan Katakerja dan Katanama dilaksanakan di dalam Bab 3 menggunakan keputusan-keputusan ujian daripada soalan-soalan yang diberikan di Lampiran I. Ujian-ujian ini dilaksanakan untuk menentukan kebolehan pelajar-pelajar mengenalpastikan berbagai-bagai bentuk tiap-tiap imbuhan Katakerja dan Katanama. Dapatan-dapatan daripada analisa tersebut dibincangkan di penghujung Bab ini.

Bab 4 menganalisa kebolehan pelajar-pelajar menguasai berbagai fungsi nahu dan makna iaitu penggunaan imbuhan-imbuhan Katakerja dan Katanama.

Dua jenis ujian dikemukakan kepada pelajar-pelajar (Lihat Lampiran 2 dan 3). Jenis yang pertama bertujuan untuk menguji kebolehan mereka mengenal-pastikan berbagai-bagai tugas dan makna imbuhan-imbuhan yang dikaji. Jenis kedua diberikan untuk melihat kebolehan mereka menggunakan imbuhan-imbuhan yang diberikan di dalam ayat-ayat sendiri. Dapatan-dapatan daripada analisa yang dijalankan diberikan di penghujung Bab ini.

Bab 5 mencuba untuk mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah ditemui daripada penganalisaan Bab 3 dan Bab 4. Cadangan-cadangan ini meliputi kaedah-kaedah pengajaran bentuk-bentuk morfologi, fungsi-fungsi nahu dan makna imbuhan-imbuhan Katakerja dan Katanama yang disebutkan. Bab ini juga mencuba untuk mengemukakan beberapa cadangan tambahan yang melibatkan beberapa pihak tertentu untuk mengurangkan masalah-masalah yang disebutkan. Cadangan-cadangan yang diberikan itu bukanlah sesuatu yang mutlak dan tidak dapat menjamin akan kejayaan pengajaran-pembelajaran imbuhan Bahasa Malaysia disebabkan oleh kepelbagaiannya faktor yang mempengaruhi pengajaran yang sememangnya disedari oleh para pendidik.

Tesis ini juga mengandungi 25 Lampiran yang meliputi Soalan-soalan Ujian, Nama-nama Pelajar yang terlibat di dalam penyelidikan ini, Latar Belakang Persekolahan dan Sosial mereka, Contoh-contoh Kata yang menggunakan imbuhan-imbuhan yang diuji serta Satu Contoh Kaedah Pengajaran yang telah dicuba untuk mengajar pemerolehan fungsi-fungsi nahu dan makna-makna imbuhan be(r)-.

Oleh kerana penyelidikan ini bertujuan untuk melihat tingkat kecapaian di kalangan pelajar-pelajar, masalah utama yang ditemui ialah masalah penyediaan bahan-bahan ujian. Ujian-ujian awal telah dijalankan

berkali-kali untuk mendapatkan satu format yang baku yang boleh digunakan di dalam ujian meliputi semua pelajar yang terlibat di dalam kajian.

Satu dapatan yang menarik yang muncul daripada penyelidikan ini, ialah bentuk-bentuk yang terdapat di dalam dialek tempatan mempengaruhi pemerolehan imbuhan oleh pelajar-pelajar. Kepelbagaiannya bentuk dan makna yang tidak terdapat di dalam dialek tempatan terutama sekali di dalam bentuk lisan, tidak dapat diperolehi tanpa pengajaran yang formal dan terancang. Dengan demikian, dialek tempatan mempengaruhi pemerolehan bahasa individu. Penulis berharap semoga dapatan-dapatan penyelidikan ini akan menimbulkan kesedaran kepada guru-guru Bahasa Malaysia akan peranan penting yang dimainkan oleh dialek tempatan terhadap pemerolehan bahasa. Oleh yang demikian, kaedah-kaedah pengajaran imbuhan harus memperhitungkan pengaruh dialek tempatan.

ABSTRACT

This thesis is done with the intention of finding out the level of acquisition of the morphological forms, meanings and the usage of some Verbal and Nominal Affixes in Bahasa Malaysia among the Form One Pupils in Kubang Pasu schools, classified as rural schools.

This thesis is divided into five Chapters. The first Chapter gives a description of the scope and methods of research and issues dealt with in this thesis.

Chapter 2 provides the theoretical framework within which the affixes are studied. The description includes Processes of Affixation and the grammatical functions and meanings of both the Verbal and Nominal Affixes. Findings are used as a base to formulate questions that are used in the tests throughout the thesis.

The analysis of acquisition of Verbal and Nominal Affixes is done in Chapter 3 using the test results from the questions as given in Appendix 1. The tests are carried out to determine the ability of the pupils to identify the various forms of each of the Verbal and Nominal Affixes. The findings of the analysis are discussed at the end of the Chapter.

Chapter 4 analyses the pupils' ability to grasp the various grammatical functions and meanings, i.e. the uses of the Verbal and Nominal Affixes. Two kinds of tests were given to the students (see Appendices 2 and 3). The first was aimed at testing their ability to identify the various

functions and meanings of the affixes studied. The second set was given to determine their ability to use the given affixes in self-constructed sentences. The findings of the analysis are given at the end of the Chapter.

Chapter 5 attempts to provide suggestions to solve the problems discovered from the analysis in Chapters 3 and 4. These suggestions include the pedagogical approach to teaching such morphological forms, grammatical functions and meanings of the Verbal and Nominal Affixes. This Chapter also attempts to provide additional suggestions which involves certain measures to reduce the stated problem. These suggestions, however, are not absolute and cannot claim to guarantee the success of teaching or learning Bahasa Malaysia Affixes, because of the multitude of factors which can influence learning and which educationists are aware of.

This thesis also consists of 25 Appendices which include Test Questions, Names of Pupils involved in this research, Pupils' Social and Schooling Background, Examples of Words occurring with the affixes used in the test and also An Example of Teaching Methods tried out in the teaching of the acquisition of the grammatical functions and meanings of the Affix be(r)-.

Since the intention of this thesis is to observe the level of achievement among the students, the main problems faced here is in the preparations of the questions to be used for the tests. Pre-tests have been done for a number of times to achieve a standard format which could be used in the test covering all the students involved in this research.

One interesting finding that surfaces from this research, is that local dialect forms influence pupils' acquisition of affixes. The diversity of forms and meanings which are not found in the local dialect, especially in the spoken language, cannot be successfully acquired without formal and organised teaching. Hence, local dialect influences the individual in his acquisition of language. The writer hopes that the findings of this research will bring awareness to Bahasa Malaysia teachers on the important role played by local dialect in the language acquisition. Therefore, methods of teaching affixes should take into account the influence of local dialects.

SENARAI JADUAL

Muka Sui

Jadual 1 -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan me(y)- dengan kata-kata huruf pangkalnya diluluhkan.	44
Jadual 2 -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan me(y)- dengan kata-kata huruf pangkalnya dikekalkan.	47
Jadual 3 -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan me(y)- dengan kata-kata pinjaman.	48
Jadual 4 -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan me(y)- dengan kata-kata yang mempunyai satu sukukata dan kata-kata huruf pangkalnya dikekalkan.	50
Jadual 1A -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)- dengan kata-kata huruf pangkalnya diluluhkan.	52
Jadual 2A -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)- dengan kata-kata huruf pangkalnya dikekalkan.	54
Jadual 3A -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)- dengan kata-kata pinjaman.	56
Jadual 4A -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)- dengan kata-kata mempunyai satu sukukata dan kata-kata huruf pangkalnya dikekalkan.	58
Jadual 1B -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)-...-an dengan kata-kata huruf pangkalnya diluluhkan.	60
Jadual 2B -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)-...-an dengan kata-kata huruf pangkalnya dikekalkan.	62
Jadual 3B -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)-...-an dengan kata-kata pinjaman.	64
Jadual 4B -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)-...-an dengan kata-kata mempunyai satu sukukata dan kata-kata huruf pangkalnya dikekalkan.	66
Jadual 1C -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan be(r)- dengan kata-kata Bahasa Malaysia.	67
Jadual 1D -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan te(r)- dengan kata-kata Bahasa Malaysia.	70
Jadual 1E -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(r)- dengan kata-kata Bahasa Malaysia.	73

Jadual 1F -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan -kan dengan kata-kata Bahasa Malaysia.	75
Jadual 1G -	Kecapaian penggunaan bentuk imbuhan -i dengan kata-kata Bahasa Malaysia.	75
Jadual 5A -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katakerja pe(r)-, -kan dan -i.	91
Jadual 5B -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katakerja me(y)- .	94
Jadual 5C -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katakerja di-.	94
Jadual 5D -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katakerja te(r)-.	98
Jadual 5E -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katakerja be(r)-.	100
Jadual 5F -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katakerja be(r)-...-an.	103
Jadual 5G -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katakerja ke-...-an.	106
Jadual 6A -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katanama pe(y)-.	109
Jadual 6B -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katanama pe-.	111
Jadual 6C -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katanama ke-.	111
Jadual 6D -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katanama -an.	115
Jadual 6E -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katanama pe(r)-...-an dan pe(y)-...-an.	117
Jadual 6F -	Kecapaian pemahaman makna imbuhan katanama ke-...-an.	117
Jadual 7A -	Kecapaian penggunaan imbuhan katakerja pe(r)-, -kan dan -i di dalam ayat.	124
Jadual 7B -	Kecapaian penggunaan imbuhan katakerja me(y)- di dalam ayat.	125
Jadual 7C -	Kecapaian penggunaan imbuhan katakerja di- di dalam ayat.	125
Jadual 7D -	Kecapaian penggunaan imbuhan katakerja te(r)- di dalam ayat.	126
Jadual 7E -	Kecapaian penggunaan imbuhan katakerja be(r)- di dalam ayat.	127
Jadual 7F -	Kecapaian penggunaan imbuhan katakerja be(r)-...-an di dalam ayat.	128
Jadual 7G -	Kecapaian penggunaan imbuhan katakerja ke-...-an di dalam ayat. <sup>128</sup>	

Jadual 8A - Kecapaian penggunaan imbuhan katanama pe(y)- di dalam ayat.	129
Jadual 8B - Kecapaian penggunaan imbuhan katanama pe- di dalam ayat.	130
Jadual 8C - Kecapaian penggunaan imbuhan katanama ke- di dalam ayat.	130
Jadual 8D - Kecapaian penggunaan imbuhan katanama -an di dalam ayat.	131
Jadual 8E - Kecapaian penggunaan imbuhan katanama ke---an di dalam ayat.	132
Jadual 8F - Kecapaian penggunaan imbuhan katanama pe(r)-...-an dan pe(y)-...-an di dalam ayat.	132
Jadual 9 - Kecapaian purata kefahaman makna dan penggunaan imbuhan-imbuhan katakerja dan katanama.	134
Jadual 10 - Kekerapan penggunaan kata-kata berimbuhan di dalam Buku Teks 'PELAJARAN BAHASA MALAYSIA' Bk.1-6: Buku Teks Bahasa Malaysia untuk sekolah rendah.	137
Jadual 11 - Perbedaan pencapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)- dengan kata-kata huruf pangkalnya diluluhkan.	153
Jadual 11A - Perbedaan pencapaian penggunaan bentuk imbuhan pe(y)- dengan kata-kata pangkalnya dikekalknya.	154

PETA TATALETAK SEKOLAH-SEKOLAH YANG TERLIBAT DI DALAM KAJIAN.

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Perkembangan Awal

Sejak disiplin linguistik diajarkan di maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti tempatan, aspek-aspek nahu Bahasa Malaysia dikaji semula mengikut kacamata linguistik moden. Berbagai pendekatan linguistik digunakan di dalam pengkajian dan penganalisaan Bahasa Malaysia untuk melahirkan nahu pegangan yang dapat membantu guru-guru mengajar Bahasa Malaysia dengan baik. Pemerian nahu telah dihasilkan oleh Alisjahbana (1967), Musa Daia (1964), Lutfi Abas (1971), Farid Mohd. Onn (1974), Raja Mukhtaruddin (1977, 1980), Abdullah Hassan (1974, 1980a, 1980b), Asmah Hj. Omar (1968a, 1968b, 1980), Mashudi Kader (1981), Nik Safiah Karim (1981), Hashim Musa (1980), Arbak Othman (1981), Azman Wan Chik (1981), Awang Sariyan (1981) dan Koh Boh Boon (1982) tetapi hingga ke hari ini, tulisan-tulisan khusus mengenai pengajaran dan pembelajaran imbuhan Bahasa Malaysia amat sedikit sekali jika dibandingkan dengan penulisan nahu secara am. Karya-karya khusus mengenai pengajaran imbuhan yang terdapat ialah karya-karya Arbak Othman (1978), Koh Boh Boon (1974, 1978, 1982), Mohd. Nadzar Shariff (1981), Lutfi Abas (1977) dan Hashim Musa (1980), tetapi bahan-bahan yang diberikan belum cukup untuk dapat digunakan oleh guru-guru sebagai panduan mengajar imbuhan Bahasa Malaysia. Penyelidikan yang dibuat ini dirasakan dapat menampung kekurangan bahan yang ada dan dapat membantu guru-guru Bahasa Malaysia

mempertingkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran imbuhan Bahasa Malaysia.

### 1.1 Bidang Kajian

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji kefasihan pelajar-pelajar tingkatan satu di Sekolah-sekolah Menengah luar bandar daripada segi penggunaan bentuk dan kefahaman makna beberapa buah imbuhan Katanama dan Katakerja. Selepas tingkat kefasihan dan masalah-masalah dikenalpastikan, beberapa langkah pengajaran disarankan untuk mengatasi masalah-masalah yang ditemui.

### 1.2 Konsep Kefasihan

Kefasihan di dalam bahasa mempunyai pengertian yang luas. R. Leeson (1975:1) berpendapat bahawa individu yang mempunyai kefasihan yang baik boleh menghasilkan ayat-ayat yang tidak terbatas, menepati hukum-hukum fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik sesuatu bahasa. Untuk menghasilkan ayat-ayat yang sempurna dan baik, M.A.K. Halliday (1964:208) dan R. Lado (1964:8-9) menjelaskan bahawa individu berkenaan haruslah terlebih dahulu mempunyai empat kemahiran asas iaitu kefahaman, pertuturan, bacaan dan tulisan. Melalui kemahiran-kemahiran ini, individu yang fasih dapat menghasilkan ayat-ayat baru daripada struktur dalam yang disusun semula untuk melahirkan buah fikiran yang bermakna (R. Crymes 1974:7). Susunan ini dibuat melalui proses penyesuaian. Kebolehan melakukan penyesuaian inilah yang menjadi ukuran kefasihan individu (W.M. Rivers 1968:70).

Di dalam tesis ini, kefasihan hanyalah dibataskan kepada kebolehan mengenalpastikan bentuk-bentuk imbuhan Katakerja dan Katanama serta kebolehan memahami tugas-tugas imbuhan berkenaan serta kebolehan menggunakan imbuhan-imbuhan tersebut di dalam ayat.

#### 1.2.1 Konsep Luar Bandar

Kawasan luar bandar ialah kawasan yang penduduknya menjalankan kegiatan pertanian sebagai kegiatan sara hidup utama (R.U. Cooke & J.H. Johnson 1969:124, E.R.A. Seligman 1953:469). Mereka tinggal secara berkelompok di kawasan-kawasan perkampungan kecil atau secara petempatan selari di tepian permatang sawah, tepian bukit dan sungai (B.W. Hodder 1959:60-73). Petempatan begini menyebabkan mobiliti sosial dan tempat mereka terbatas. Mereka berhubungan terus semasa sendiri secara akrab kerana biasanya mereka mempunyai hubungan kekeluargaan. Perhubungan dengan orang-orang dari kawasan geografi dan sosial yang berlainan amat terbatas. Untuk tujuan penyelidikan yang dibuat di dalam tesis ini, kawasan yang terletak di luar kawasan Majlis Perbandaran Alor Setar dianggap sebagai kawasan luar bandar berdasarkan ciri-ciri yang disebutkan di atas. Sekolah-sekolah yang terlibat di dalam penyelidikan ini terletak di antara dua belas hingga dua puluh tujuh batu dari bandar Alor Setar. Pelajar-pelajar luar bandar dipilih untuk menjadi bahan penyelidikan ini kerana beberapa faktor:

- (a) Keseragaman kelas sosial mereka menyebabkan mereka lebih banyak bergaul dengan ahli-ahli masyarakat setempat dengan menggunakan Bahasa Malaysia iaitu bahasa pertama mereka.

Gangguan daripada bahasa-bahasa lain amat minimum kerana kurangnya kesempatan mereka menggunakan bahasa tersebut di dalam perbualan sehari-hari.

- (b) Kedudukan ekonomi yang seragam membolehkan kita menganggap darjah kebolehan mereka berbahasa juga seragam.

#### 1.2.2 Pemilihan Tingkatan Satu

Pelajar-pelajar tingkatan satu dipilih kerana:

- (a) Pada peringkat ini mereka sudah pun selesai mengikuti pelajaran peringkat rendah. Kesemua mereka sudah pun bersekolah selama enam tahun di sekolah-sekolah rendah kebangsaan.
- (b) Pada peringkat ini, keupayaan mereka untuk memperolehi bahasa secara tidak langsung melalui pendedahan kepada persekitaran bahasa mulai menjadi mantap. E.H. Lennéberg (1967) melalui kajiannya terhadap pesakit afasia menyatakan bahawa batas umur kanak-kanak menguasai bahasa secara tidak langsung ialah ketika ia menjadi baligh. Selepas itu, sesuatu bahasa yang mahu dikuasai itu haruslah dipelajari secara formal. Jadi masa yang penting untuk menguasai bahasa ialah di antara umur dua hingga empat belas tahun. Pengukuran pemerolehan bahasa dirasakan sesuai dibuat sewaktu pelajar-pelajar berumur tiga

belas tahun, satu peringkat umur yang menjadi pembatas antara penguasaan bahasa secara tidak formal dan formal.

- (c) Kemudahan untuk membuat pemulihan pada peringkat permu-laan di Sekolah Menengah.

#### 1.2.3 Pemilihan Imbuhan Katakerja dan Katanama

Tesis ini membataskan kajiannya kepada beberapa buah imbuhan Katakerja dan Katanama sahaja kerana kedua-dua imbuhan tersebut merupakan golongan terbesar yang membentuk kata-kata Bahasa Malaysia. Bentuk-bentuk imbuhan yang diuji dibataskan kepada imbuhan-imbuhan Katakerja me(<sup>g</sup>); be(r)-, te(r)-, pe(r)-, -kan, -i dan imbuhan-imbuhan Katanama pe(<sup>g</sup>)- dan pe(<sup>g</sup>)-...-an. Imbuhan-imbuhan tersebut dipilih kerana mempunyai berbagai-bagai bentuk. Imbuhan-imbuhan Katakerja (pe(r)-, -kan dan -i dipilih berdasarkan kekerapan kesalahan bentuk yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar.

Tugas-tugas imbuhan yang didukung oleh imbuhan-imbuhan yang dikaji adalah tugas-tugas asas sahaja yang dapat diikuti dengan mudah oleh pelajar-pelajar. Tugas yang sama atau hampir-hampir sama disatukan untuk memudahkan pelaksanaan ujian. Hal ini dibuat untuk kepraktisan penyelidikan dan penganalisaan. Keanekaragaman tugas-tugas imbuhan yang lengkap dapat dilihat di dalam karya Abdullah (1974) dan Asmah (1980).

Daripada langkah pengajaran yang disarankan di dalam Bab 5, bidang-bidang lain di dalam bahasa seperti fonologi, morfologi, sintaksis

dan semantik disentuh juga kerana bidang-bidang tersebut perlu diketahui oleh pelajar-pelajar sebelum dapat memahami tugas-tugas imbuhan dengan sempurna.

#### 1.2.4 Penggunaan Istilah

Sepanjang tesis ini istilah imbuhan digunakan bersejajar dengan istilah morfem terikat. Morfem terikat, Morf dan Alomorf digunakan apabila pembicaraan mengenai perubahan-perubahan bentuk imbuhan dibuat. Istilah bunyi digunakan untuk menggantikan grafem atau huruf sewaktu menganalisa bentuk-bentuk imbuhan. Penghuraian mengenai perubahan bentuk imbuhan tidak dapat diperjelas tanpa penglibatan konsep bunyi kerana bentuk-bentuk imbuhan yang berbagai itu terjadi oleh pengaruh bunyi.

#### 1.3 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di lima buah Sekolah Menengah yang dipilih untuk mewakili daerah Kubang Pasu, Kedah berdasarkan ciri-ciri yang sama dimiliki oleh pelajar-pelajar iaitu tempat tinggal, keadaan sosial, kemudahan asas di sekolah dan di rumah dan pekerjaan penjaga. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

- (a) Sekolah Menengah Tunku Bendahara, Kodiang (SMTB)
- (b) Sekolah Menengah Pulau Nyior, Jitra (SMPN)
- (c) Sekolah Menengah Jitra, Jitra (SMJ)
- (d) Sekolah Menengah Seri Mahawangsa, Jitra (SMSM)
- (e) Sekolah Menengah Changlun, Changlun (SMC)


LAND

# DAERAH

Sekil 2 batu =

PETUNJUK:

- A. SEKOLAH MENEN...
- B. SEKOLAH MENEN...
- C. SEKOLAH MENEN...
- D. SEKOLAH MENEN...
- E. SEKOLAH MENEN...



## 1.4 Bahan Kajian

### 1.4.1 Pelajar

#### 1.4.1.1 Jumlah Pelajar

Jumlah pelajar yang dipilih daripada tiap-tiap buah sekolah ialah 32 orang menjadikan jumlah pelajar yang terlibat di dalam kajian 160 orang. Mereka terdiri daripada penutur Bahasa Malaysia Dialek Kedah sebagai bahasa pertama. Kumpulan ini terpecah kepada 71 orang lelaki dan 89 orang perempuan daripada tingkatan satu yang mempunyai kebolehan yang sederhana. Kesederhanaan kebolehan ini ditentukan oleh guru Bahasa Malaysia mereka yang lebih tahu peringkat kebolehan mereka.

#### 1.4.1.2 Tenaga Pengajar Pelajar

Guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia mereka terlatih di tempat-tempat berikut:

(a) Maktab Perguruan Kinta, Ipoh - 4 orang

(b) Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim - 1 orang

Empat orang guru yang mengajar di SMTB, SMPN, SMJ dan SMC dilatih mengajar bahasa secara am sahaja, manakala guru bahasa yang mengajar di SMSM terlatih di dalam Ilmu Perdagangan tetapi terpaksa mengajar Bahasa Malaysia kerana kekurangan tenaga pengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia. Mereka mempunyai pengalaman mengajar di antara lima bulan hingga tiga tahun.

#### 1.4.1.3 Latar Belakang Pelajar-pelajar

Mereka berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan persawahan dan perkebunan getah di sekitar kawasan sekolah. 90 orang daripada penjaga mereka tidak pernah bersekolah, manakala yang lain-lain bersekolah hanya di peringkat sekolah rendah sahaja (Lihat Lampiran 6). Ini bermakna pertolongan yang dapat diberikan oleh pihak keluarga daripada segi pengajaran akademik amat terbatas.

#### 1.4.1.4 Latar Belakang Tempat Tinggal

Sehubungan dengan 1.4.1.3 kebanyakan pelajar tinggal di kawasan persawahan dan perkebunan di dalam lingkungan 10 batu dari sekolah. Sebilangan besar daripada mereka terlibat secara langsung membantu keluarga mereka menampung kekurangan kewangan keluarga. Pelajar-pelajar hanya berkesempatan bergaul dengan ahli-ahli keluarga di dalam bentuk yang terbatas kerana kesibukan membantu ibu bapa di dalam usaha mata pencarian, dengan rakan-rakan sebaya mereka dan dengan orang-orang dewasa yang dapat ditemui sehari-hari dengan menggunakan dialek tempatan. Bahasa baku hanya didengar daripada alatan media-massa seperti radio dan televisyen dan juga daripada guru-guru matapelajaran di sekolah-sekolah yang mengajar menggunakan bahasa baku.

#### 1.4.1.5 Umur, Agama dan Bangsa

Kesemua pelajar adalah di dalam lingkungan umur 13 tahun, berbangsa Melayu dan beragama Islam.

#### 1.4.1.6 Persekolahan Awal

Mereka mendapat pendidikan awal di 19 buah sekolah rendah di sekitar kawasan mereka tinggal (Lihat Lampiran 7). Perbedaan yang nyata di antara sekolah-sekolah rendah tersebut ialah daripada segi kemudahan-kemudahan asas yang patut ada di sekolah seperti bekalan elektrik, perpustakaan, bekalan air serta kemudahan rekreasi. Kebanyakan sekolah rendah tidak mempunyai kemudahan asas yang memuaskan kecuali beberapa buah yang terletak di pekan-pekan kecil Jitra, Kodiang dan Changlun. 60 orang sahaja daripada mereka yang datang daripada sekolah-sekolah tersebut. Ketidak sempurnaan kemudahan asas ini dijangka sedikit sebanyak mengurangkan daya pembelajaran mereka jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang datang dari sekolah-sekolah yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan yang disebutkan, (Lihat Atan Long 1979:180-183).

#### 1.4.1.7 Kemudahan Asas Pembelajaran Bahasa di Rumah

Daripada tinjauan yang dibuat, beberapa kemudahan asas untuk pembelajaran bahasa seperti kelengkapan belajar (meja tulis, lampu yang terang, alat tulis dan buku/majalah rujukan) tidak tersedia di kebanyakan rumah. 19 orang daripada pelajar-pelajar sahaja yang mempunyai tempat belajar sendiri yang disediakan lengkap dengan kelengkapan yang disebutkan.

Bahan bacaan bagi 67 orang daripada mereka hanyalah surat-khabar sahaja. Sekali sekala mereka berkesempatan membeli majalah-majalah bacaan ringan yang merupakan bahan hiburan seperti Utusan Radio dan Televisyen, Gila-gila, Majalah Filem, Panorama dan Geli Hati. Bahan-bahan bacaan yang

lebih bersifat akademik seperti Dewan Bahasa, Dewan Masyarakat, Dewan Sastera, Dewan Pelajar, Sarina, Utusan Pelajar, Dian, Diskusi dan Mastika amat jarang sekali dibeli. 144 orang daripada mereka mempunyai radio dan 40 orang mempunyai televisyen di rumah tetapi mengikut tinjauan yang dibuat, kemudahan ini sering digunakan untuk mendengar atau menonton rancangan-rancangan hiburan sahaja seperti 'Lagu-lagu Permintaan', 'Lawak Jenaka', 'Drama Radio', 'Hiburan Sambil Kerja' (Dari Radio), 'Tayangan Gambar Melayu/Indonesia/lain-lain bahasa', 'Bintang RTM', 'Bakat TV' dan 'Drama Minggu Ini' (Dari televisyen).

#### 1.4.1.8 Kemudahan Asas Pembelajaran Bahasa di Sekolah

Kelima-lima buah sekolah mempunyai perpustakaan buku sendiri. 90% daripada buku-buku yang terdapat di dalam perpustakaan tertulis di dalam Bahasa Malaysia. Mengikut tinjauan yang dibuat, kemudahan yang disediakan tidak berapa dinikmati oleh pelajar-pelajar kerana beberapa faktor:

- (a) Perpustakaan tidak dibuka sepanjang hari kerana kesulitan pentadbiran.
- (b) Tidak ada masa khas untuk perpustakaan yang disediakan di dalam jadual waktu sepanjang masa persekolahan.
- (c) Minat pelajar-pelajar sendiri untuk menggunakan perpustakaan sebagai tempat membaca buku dan mencari bahan rujukan amat kurang.

1.4.1.9 Pendedahan kepada Bahan-Bahan Perangsang untuk Pembelajaran Bahasa Malaysia

Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Ceraian 1.4.1.7, kemudahan bahan rangsangan pembelajaran bahasa amat kurang tersedia di rumah. Di sekolah-sekolah pula, Persatuan Bahasa dan Kebudayaan Melayu yang ditubuhkan di tiap-tiap buah sekolah tidak bergerak secara aktif dan berkesan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan tidak cukup untuk mendedahkan murid-murid kepada penggunaan Bahasa Malaysia. Aktiviti-aktiviti yang ada tidak pula melibatkan pelajar-pelajar tingkatan satu secara penuh di Sekolah-sekolah Menengah. Di dalam bidang lisan pula, pelajar-pelajar tidak mempunyai kesempatan untuk menggunakan bahasa baku kerana keseluruhan masyarakat tempatan menggunakan dialek tempatan di dalam perhubungan sehari-hari.

1.4.1.10 Latar Belakang Pengetahuan Mengenai Imbuhan

Daripada Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia untuk Sekolah-Sekolah Rendah, pelajar-pelajar sudah sepatutnya belajar semua imbuhan yang digunakan di dalam ujian (Lihat buku teks bersiri oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, Pelajaran Bahasa Malaysia - Buku 1-6).

Daripada soalselidik yang dibuat sebelum ujian-ujian dilaksanakan, didapati bahawa pelajar-pelajar mempelajari imbuhan-imbuhan secara tidak langsung. Imbuhan-imbuhan yang hendak diajar, diajarkan serentak dengan kata yang digunakan di dalam ayat. Melalui proses begini, pelajar-pelajar akan dapat memahami imbuhan baik daripada segi bentuk atau pun tugas daripada

kata-kata berimbuhan yang diajarkan sahaja. Jika imbuhan-imbuhan itu digabungkan dengan kata-kata lain pelajar-pelajar tidak dapat memahami tugas-tugas imbuhan berkenaan (Lihat soalan-soalan di dalam ujian A1 dan keputusan Daftar 1).

#### 1.4.2 Bahan Ujian

Bahan-bahan ujian yang digunakan di dalam penyelidikan ini merupakan bahan-bahan bertulis yang dibahagikan kepada:

##### 1.4.2.1 Bahan-Bahan Ujian Tertutup

Bahan-bahan ini termasuklah:

- (a) Mengisi tempat kosong - Pelajar-pelajar diminta memilih bentuk imbuhan yang sesuai untuk digabungkan dengan kata dasar yang diberikan di dalam ayat.
- (b) Aneka pilihan - Soalan-soalan yang menggunakan aneka pilihan diperingkatkan kepada dua peringkat. Peringkat pertama ialah untuk menguji penggunaan bentuk imbuhan. Beberapa kelainan daripada satu-satu imbuhan diberikan dan pelajar-pelajar dikehendaki memilih kelainan yang sesuai untuk dipadankan dengan kata dasar yang diberikan. Pada peringkat kedua, soalan-soalan aneka pilihan diberikan untuk menguji kefahaman tugas imbuhan. Pelajar-pelajar dikehendaki memilih tugas yang tepat daripada beberapa tugas yang diberikan, kemudian mengisikannya di dalam kurungan yang disediakan di hujung tiap-tiap ayat yang diberikan.

(c) Menulis ayat - Bahan ini digunakan untuk menguji pelajar-pelajar menggunakan imbuhan di-. Di dalam kertas ujian, mereka diberikan ayat-ayat aktif yang menggunakan imbuhan me(n)- dan mereka diminta menukar bentuk ayat tersebut dengan menggunakan imbuhan di-. Mereka juga dikehendaki membina ayat dengan menggunakan imbuhan-imbuhan yang diberikan untuk menguji kebolehan mereka menggunakan imbuhan.

#### 1.4.2.2 Bahan-Bahan Ujian Terbuka

Penggunaan imbuhan-imbuhan dalam ujian peringkat pertama diperhatikan di dalam karangan sebagai ujian terbuka untuk melihat konsistensi

#### 1.4.2.3 Bahan-Bahan Lain

Satu set borang soalselidik diberikan kepada pelajar-pelajar untuk diisikan dengan maklumat bersangkutan dengan diri, persekolahan awal, tempat kediaman dan masalah mereka di dalam pelajaran Bahasa Malaysia (Lihat Lampiran 8).

### 1.5 Kaedah Penyelidikan

Untuk mencapai matlamat penyelidikan ini, beberapa kaedah telah digunakan.

#### 1.5.1 Mengisi Borang Kajiselidik

Borang ini dapat memberikan maklumat untuk dijadikan panduan bagi mengetahui hal-hal yang berhubungan dengan pelajar-pelajar yang menjalani ujian. Daripada butiran-butiran yang terkumpul, beberapa masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia dapat dikesan puncanya dan

cadangan-cadangan dapat dikemukakan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

#### 1.5.2 Menjalankan Ujian dalam Kelas

Ujian-ujian dijalankan di dalam kelas-kelas berkenaan secara berperingkat-peringkat sepanjang tahun pada masa Bahasa Malaysia yang dikhaskan di dalam Jadual Waktu sekolah. Jangka waktu tiap-tiap ujian ialah 40 minit. Sebelum ujian dijalankan, penerangan tambahan diberikan kepada pelajar-pelajar selain daripada arahan yang terdapat di dalam kertas ujian untuk memastikan pelajar-pelajar memahami kehendak dan tujuan ujian.

#### 1.5.3 Melihat dan Menganalisa Kerja-kerja Pelajar dalam Pelajaran Bahasa Malaysia Sepanjang Tahun

Hal ini dilakukan untuk mengetahui jenis dan kuantiti latihan yang dibuat oleh pelajar-pelajar; juga untuk melihat keseragaman pengajaran Bahasa Malaysia di kelas-kelas berkenaan.

#### 1.5.4 Memerhati Kaedah Mengajar Guru-Guru Bahasa Malaysia

Tiap-tiap orang guru memberikan kebenaran sebanyak dua kali untuk diperhatikan bagi tujuan mengenalpasti kaedah dan teknik pengajaran yang mereka gunakan. Mereka juga sedia bekerjasama untuk berbincang mengenai teknik-teknik dan kaedah-kaedah yang mereka gunakan untuk mengajar imbuhan.

## 1.6 Masalah Kajian dan Penyelidikan

Masalah-masalah yang ditemui dibahagikan kepada:

- (a) Penyusunan bahan ujian
- (b) Penjalanan ujian
- (c) Penilaian ujian

### 1.6.1 Penyusunan Bahan-Bahan Ujian Bentuk-Bentuk Imbuhan

Oleh sebab imbuhan-imbuhan pe(p)-, me(n)- dan pe(n)-...-an mempunyai beberapa kelainan atau bentuk grafem, penyusunan soalan-soalan ujian tidak dapat dibuat dengan begitu rapi. Kelainan mem-daripada imbuhan me(n)- dapat digunakan dengan kata-kata yang bermula dengan huruf p dan b. Untuk digunakan dengan huruf p, grafem tersebut terpaksa diluluhkan selepas kelainan mem- digunakan. Proses ini tidak berlaku di dalam hal huruf b. Jadi pemecahan soalan yang mengandungi bentuk yang berbeda itu terpaksa dibuat dengan hati-hati.

Masalah yang kedua ialah mengenai pemilihan kata-kata untuk digunakan di dalam ujian. Untuk menyeragamkan ujian, tiap-tiap kelainan itu dipadankan dengan lima buah kata dasar. Ada kata-kata yang bermula dengan huruf o seperti 'olah', 'orak', 'obor', 'olok' dan yang bermula dengan huruf e seperti 'eram', 'empang', 'erang' dan 'emping' terpaksa digunakan di dalam ujian walaupun beberapa kata tersebut tidak pernah wujud di dalam perbendaharaan kata pelajar-pelajar. Begitu juga dengan kata-kata pinjaman yang digunakan. Kata-kata seperti 'ziarah', 'khutbah', 'zina', 'khianat' dan 'kanun' terpaksa digunakan kerana kata-kata pinjaman lain didapati lebih tidak sesuai. Yang tambah menyulitkan ialah hingga

sekarang ini masih belum terdapat satu penentuan bentuk kelainan yang baku bagi penggunaan bentuk-bentuk imbuhan me(g)-, pe(n)- dan pe(m)...-an dengan kata-kata pinjaman. Untuk penyelarasan jawapan, di dalam ujian-ujian yang dikendalikan, pelajar-pelajar dikehendaki memberikan jawapan yang diterima umum selama ini, iaitu bagi kata-kata pinjaman peluluhan grafem pangkal selepas diberikan imbuhan kepada sesebuah kata pinjaman tidak dibenarkan.

Penyeragaman jumlah kata di dalam tiap-tiap ujian bentuk imbuhan juga tidak dapat dipatuhi secara mutlak. Ada ujian yang mengandungi 20 soalan sahaja dan ada pula yang mengandungi hingga 60 soalan. Keadaan ini berlaku kerana jumlah kata yang dapat diimbuhkan dengan bentuk-bentuk tertentu tidak sama, misalnya bentuk peng- daripada imbuhan pe(n)- dapat diimbuhkan dengan kata-kata yang berhuruf pangkal g, h, k, kh, gh, a, e, i, o, u jika dibandingkan dengan bentuk pem- yang hanya dapat diimbuhkan dengan kata-kata berhuruf pangkal p dan b sahaja.

#### 1.6.1.2 Penyusunan Bahan-Bahan untuk Ujian Mengenai Tugas Imbuhan

Ketidakseragaman tugas sesuatu imbuhan yang terdapat sekarang ini menyulitkan penyusunan ujian. Tiap orang pengkaji bahasa memberikan tugas-tugas yang berbeda-beda. Jadi jalan tengah yang diambil ialah menentukan tugas-tugas yang benar-benar tepat dengan merumuskan semua tugas yang seakan-akan sama menjadi tugas asas yang sesuai. Tugas-tugas lain dianggap sebagai tidak penting bagi pelajar-pelajar pada peringkat tingkatan satu. Adalah disedari dan diakui bahawa pengujian terhadap semua kemungkinan tugas imbuhan tidak mungkin terlaksana oleh penyelidikan yang amat terbatas ini.

### 1.6.2 Masalah Sewaktu Menjalankan Ujian

Masalah-masalah ini dipecahkan kepada masalah semasa ujian dijalankan, masalah tempat ujian, masalah berhubungan dengan pelajar-pelajar yang mengambil ujian dan masalah kerjasama yang diberikan.

#### 1.6.2.1 Masa Ujian

Ujian tidak dapat dijalankan secara serentak. Kesemua kelas tingkatan satu sekolah-sekolah yang dipilih bersekolah di sidang petang. Jadi ujian dilaksanakan pada waktu-waktu yang berbeda mengikut masa yang dikhaskan untuk pelajaran Bahasa Malaysia di dalam Jadual Waktu kelas. Ketidaksamaan waktu ini sudah tentu sedikit sebanyak memberi kesan terhadap perlakuan pelajar-pelajar. Mereka yang diuji pada waktu akhir persekolahan berkemungkinan tidak dapat menjawab dengan baik jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang diuji pada masa-masa yang lebih awal kerana faktor-faktor keletihan fizikal, minat dan suasana persekolahan. Hal ini cuba diatasi dengan cara meminta kerjasama pihak sekolah meminda masa yang diperuntukkan bagi pelajaran Bahasa Malaysia ke suatu masa yang lebih awal, tetapi usaha untuk berbuat demikian amat terbatas kerana ia melibatkan kelincinan pentadbiran sekolah.

Selain daripada itu, pelajar-pelajar kelima-lima buah sekolah tidak menjalankan ujian yang sama pada suatu hari yang sama. Jarak masa antara satu-satu ujian yang diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah yang berlainan memungkinkan pelajar-pelajar menambahkan pengetahuan mereka secara formal atau informal.

#### 1.6.2.2 Tempat Ujian

Ujian-ujian yang dijalankan tidak dibuat di dalam bilik yang sama sebab kelima-lima kelas yang terlibat tidak berada di sekolah yang sama. Suasana persekitaran bilik-bilik ujian yang tidak sama sedikit sebanyak mempengaruhi perlakuan pelajar-pelajar.

#### 1.6.2.3 Pelajar-Pelajar

Masalah tidak hadir ke sekolah dan tidak sihat merupakan dua faktor yang menyulitkan perlaksanaan ujian. Seorang pelajar yang tidak hadir selama beberapa hari terpaksa juga mengambil ujian yang dijalankan pada masa yang lain kerana dia terlibat sebagai bahan penyelidikan. Faktor jarak masa pengambilan ujian itu dengan masa ujian sebenarnya dijalankan, tentulah akan mempengaruhi pencapaian pelajar berkenaan. Pelajar-pelajar yang tidak sihat kerana berpenyakit atau keletihan fizikal sudah tentu tidak dapat menunjukkan kebolehan mereka secara maksimum. Perlakuan mereka tentulah tidak sama dengan rakan-rakan lain yang sihat.

#### 1.6.2.4 Kerjasama yang Diberikan

Ada beberapa rancangan pengujian terpaksa dipinda masanya kerana guru-guru Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah berkenaan tidak dapat memberikan masa yang diperlukan mengikut jadual kerana mereka sendiri terpaksa menghabiskan sukanan pelajaran atau membereskan tanggungjawab persekolahan yang diamanahkan kepada mereka di kelas-kelas yang terlibat. Hal serupa ini tidak dapat dielakkan dan ia merupakan masalah perlaksanaan ujian yang melibatkan faktor perubahan masa yang kadang-kadang tidak sesuai bagi pelajar-

pelajar menjalani ujian sebagaimana yang diberikan di dalam Ceraian

#### 1.6.2.1

#### 1.6.3 Masalah Penilaian Ujian

Sesuatu ujian yang bermutu haruslah menepati tiga ciri utama iaitu kesahan, kebolehpercayaan dan kepraktisan (D.P. Harris 1970:13). Segala bahan ujian disusun dengan teliti supaya ciri-ciri tersebut tercapai. Namun begitu, daripada segi penilaian beberapa masalah ditemui. Masalah utama ialah adanya pelajar-pelajar yang tidak menjawab beberapa soalan yang diberikan di dalam jangka waktu yang ditetapkan. Bila tiba waktu penilaian, andaian terpaksa dibuat bahawa pelajar-pelajar berkenaan tidak dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan bukan kerana tidak sempat menjawab. Penilaian dibuat berdasarkan jawapan-jawapan yang telah disempurnakan. Ini sedikit sebanyak mungkin tidak dapat menggambarkan keupayaan sebenar seseorang pelajar kerana mungkin pelajar berkenaan adalah seorang yang lambat berfikir atau pun tidak sihat sewaktu menjalani ujian. Walau bagaimanapun, hal yang serupa ini tidak berlaku secara meluas dan tidaklah pula menjaskan penilaian secara keseluruhan.

## BAB 2

### IMBUHAN BAHASA MALAYSIA

#### 2.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan imbuhan-imbuhan Bahasa Malaysia secara am sahaja. Pemerian lanjut akan dibuat mengenai proses pengimbuhan, perubahan bentuk imbuhan serta tugas dan makna imbuhan-imbuhan Katakerja dan Katanama yang diuji kepada pelajar-pelajar. Pemerian lanjut mengenai imbuhan Bahasa Malaysia telah dibuat oleh Halimah Wok Awang (1974).

#### 2.1 Proses Pengimbuhan Bahasa Malaysia

Proses pengimbuhan merupakan salah satu daripada proses-proses pembentukan kata di dalam Bahasa Malaysia. Proses-proses lain ialah penggandaan, dan pemajmukan (Abdullah Hassan 1974:47; Arbak Othman 1981: 20-24). Melalui proses pengimbuhan, satu atau lebih daripada satu imbuhan ditambah kepada sesuatu kata dasar. Proses ini memperluaskan kata dasar tersebut. Perluasan ini akan dapat menentukan golongan kata-kata tersebut berdasarkan fungsi imbuhan itu sendiri (Asmah 1980:12). Imbuhan boleh ditambah di awal, di akhir, serentak di awal dan di akhir kata ataupun disisipkan selepas konsonan pertama sesuatu kata dasar tertentu (Abdullah Hassan 1974:43; Z'aba 1964:203). Imbuhan di awal kata disebut awalan, di akhir kata disebut akhiran, di awal dan akhir kata disebut kurungan dan yang disisipkan selepas konsonan pertama sesuatu kata dasar disebut sisipan.

## 2.2 Bentuk Imbuhan dalam Bahasa Malaysia

Daripada segi kajian morfologi, imbuhan-imbuhan Bahasa Malaysia tergolong ke dalam morfem terikat. Konsep morfem itu sendiri bersifat mujarad (Abdullah Hassan 1974, 1980; E.A. Nida 1970; Halimah 1974; L. Bloomfield 1963). Pengwujudan morfem ini dipanggil 'morf'. Di dalam Bahasa Malaysia, 'morf' wujud di dalam berbagai bentuk bergantung kepada pengaruh bunyi di awal kata yang diimbuhkan dengannya; juga oleh bilangan suku kata yang dimiliki oleh kata-kata yang diberikan imbuhan. Bentuk-bentuk yang berbagai ini membawa pengertian atau fungsi yang sama.

Imbuhan-imbuhan Bahasa Malaysia yang mempunyai lebih daripada satu bentuk ialah  $me(\text{ŋ})-$ ,  $pe(\text{ŋ})-$ ,  $pe(r)-$ ,  $be(r)-$ ,  $te(r)-$ ,  $pe(\text{n})-...-an$ ,  $pe(r)-...-an$  dan  $be(r)-...-an$ . Lambang  $(\text{ŋ})$  adalah unsur sengau yang potensil. Ia boleh wujud di dalam bentuk sengau yang berbeda pada lingkungan-lingkungan tertentu yang ditentukan oleh fonologi dan tidak pula pada lingkungan-lingkungan yang lain. Lambang  $(r)$  adalah unsur getaran yang juga potensil. Ianya wujud sebagai  $r$  atau  $\underline{l}$  pada lingkungan fonologi tertentu dan digugurkan pada satu lingkungan yang lain. Bentuk-bentuk imbuhan yang disebutkan itu adalah seperti di bawah ini:

- (a)  $me(\text{ŋ})- \rightarrow me-\sim men-\sim men-\sim meny-\sim meng-\sim menge-$
- (b)  $pe(\text{ŋ})- \rightarrow pe-\sim pem-\sim pen-\sim peny-\sim peng-\sim penge-$
- (c)  $pe(\text{n})-...-an \rightarrow pe-...-an \sim pem-...-an \sim pen-...-an \sim peng-...-an \sim penge-...-an$ .
- (d)  $be(r)- \rightarrow be-\sim ber-\sim bel-$
- (e)  $te(r)- \rightarrow te-\sim ter-$
- (f)  $pe(r)- \rightarrow pe-\sim per-$

(g) pe(r)-...-an → pe-...-an ~ per-...-an ~ pel-...-an

(h) be(r)-...-an → be-...-an ~ ber-...-an

Dasar asas yang dipegang untuk memahami bentuk-bentuk pengwujudan imbuhan yang berbagai-bagai ini ialah pengaruh bunyi di awal kata ke mana satu-satu imbuhan itu diimbuhkan (Zaiton Abd. Rahman 1976: 782), jumlah suku kata kata dasar yang diberikan imbuhan dan etimologi kata dasar yang menerima imbuhan sama ada asli atau pinjaman. Dasar-dasar tersebut boleh disimpulkan seperti berikut:

1. Penyesuaian bunyi sengau (sama ada m, n, ng, ny) pada imbuhan sebelum diimbuhkan dengan suatu kata dasar.

Bunyi-bunyi sengau tersebut hendaklah diterbitkan oleh alat artikulasi yang sama atau hampir-hampir sama oleh terusan ujaran dengan bunyi-bunyi di awal kata dasar.

2. Peluluhan bunyi di awal kata dasar. Peluluhan ini berlaku selepas terjadinya proses asimilasi di antara bunyi sengau pada imbuhan dengan bunyi awal sesuatu kata dasar.

3. Pengguguran bunyi sengau/getaran di akhir imbuhan.

4. Penambahan bunyi pepet kepada imbuhan sebelum diimbuhkan kepada kata dasar yang terdiri daripada satu suku kata.

Di bawah ini diperturunkan contoh lingkungan yang melibatkan proses seperti itu. Pemusatan contoh akan hanya dibuat kepada imbuhan-imbuhan me(**n**)- dan pe(**n**)- sahaja kerana pengwujudan imbuhan pe(**n**)-...-an adalah sejajar dengan imbuhan pe(**n**)-... Imbuhan-imbuhan pe(r)- , be(r)- , te(r)- , pe(r)-...-an dan be(r)-...-an mempunyai dasar penyesuaian yang lebih mudah. Bentuk pe- , be- , te- , pe-...-an dan be-...-an akan digunakan bila imbuhan-imbuhan yang disebutkan diimbuhkan dengan kata-kata yang bermula dengan grafem r manakala bentuk-bentuk per- , ber- , ter- , per-...-an, dan ber-...-an digunakan bila imbuhan-imbuhan yang disebutkan diimbuhkan dengan grafem-grafem selain daripada r. Kekecualian hanya terdapat pada imbuhan be(r)- dan pe(r)-...-an yang wujud sebagai bel- dan pel-...-an bila diimbuhkan kepada kata 'ajar' menjadikannya 'belajar' dan 'pelajaran'.

#### 2.2.1 Proses (1) Dengan Imbuhan pen(**n**) - dan me(**n**) -

<u>Bentuk Imbuhan</u>	<u>Bunyi di pangkal kata</u>	<u>Contoh</u>
pem- atau mem-	p	- /memprotes
	f	pemfitnah/memfitnah
	b	pembaca/membaca
	v	pemvaksin/memvaksin
pen- atau men-	t	pentadbir/mentadbir
	d	pendengar/mendengar
	c	pencuri/mencuri
	j	penjaga/menjaga
	s	- /mensifatkan
	sy	pensyarah/mensyirikkan
	z	penziarah/menziarahi